



## “ANAK SOLEH ASET PENTING IBUBAPA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ  
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا  
أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا  
قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah.



Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita terhadap Allah SWT dengan rasa penuh keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta beroleh keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Sempena hari jumaat yang mulia ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk "**ANAK SOLEH ASET PENTING IBUBAPA**".

Sebagaimana yang kita maklumi, bahawa anak merupakan anugerah yang amat bernilai dan amanah dari Allah SWT. Amanah ini merupakan suatu kewajipan dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Anak semestinya dijaga, dipelihara, dididik dan diberi segala haknya, agar ia menjadi anak yang soleh yang bermanfaat di dunia dan di akhirat. Dari itu kita harus sedar, bahawa anak yang soleh sahaja yang akan dapat memberi manfaat kepada kedua ibubapanya samada di dunia mahu pun di akhirat. Darjat kedudukan ibubapa yang berjaya mendidik anak-anaknya sehingga menjadi anak yang soleh akan sentiasa diangkat darjatnya dari masa kesemasa di akhirat kelak. Ianya akan diberitahu oleh Allah SWT bahawa darjat ketinggian yang diperolehi ini adalah hasil dari doa anak yang soleh.

Sebagaimana hadis dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ :  
صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ  
يَدْعُو لَهُ

*"Apabila mati seorang insan terputuslah amalannya melainkan tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya".*

*(Riwayat Muslim).*

Dari sini jelaslah bahawa anak yang soleh merupakan aset penting bagi kedua ibubapa bagi menentukan kebahagiaan hidup sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Anak yang soleh atau anak yang baik ialah anak yang mempunyai keimanan dan akidah yang kuat, anak yang sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT, anak yang rajin beribadah, anak yang sentiasa menghormati ibubapa dan orang lain, anak yang berakhlak mulia, anak yang mempunyai kesedaran beragama, anak yang rajin berusaha dan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wa Taala dan anak yang sentiasa berdoa dan berbakti kepada kedua ibubapanya sama ada masih hidup atau yang sudah meninggal dunia.

### **Sidang Jumaat Yang Berbahagia**

Apabila kita melihat situasi masyarakat islam masa kini, kita dapati perhubungan antara ibubapa dengan anak semakin renggang. Terdapat anak yang tidak lagi menghormati ibubapanya. Tidak mahu lagi mendengar nasihat orang tua, dan apa yang mendukacitakan kita terdapat anak yang sanggup memukul ibubapa, saman ibubapa di mahkamah, menghantar ibubapa ke rumah-



rumah kebajikan dan lebih malang lagi apabila ada yang sanggup membunuh ibubapanya. Ini merupakan gejala keruntuhan akhlak yang serius dikalangan anak-anak, dan jika dibiarkan ia akan membawa kepada keruntuhan instusi keluarga, masyarakat dan Negara. Persoalannya sekarang, apakah punca berlakunya demikian?. Kepada siapa hendak dipersalahkan?. Ada yang meletakkan kesalahan keatas anak dan terus menghukum anak berbagai-bagai gelaran, seperti anak derhaka, anak tidak mengenang budi dan sebagainya. Dan ada pula yang meletakkan kesalahan keatas ibubapa kerana tidak melaksanakan tanggungjawab yang sebenarnya terhadap anak.

Dalam hal ini kita tidak sepatutnya menuding jari dan tidak menyalahkan mana-mana pihak, yang pentingnya kita sebagai ibubapa kena muhasabah diri, kerana masing-masing ada hak dan kewajipan serta tanggungjawab. Ibubapa ada tanggungjawab dan kewajipan terhadap anak dan sebaliknya anak pula ada tanggungjawab dan kewajipan terhadap ibubapa. Sehubungan itu khususnya ibubapa hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan terhadap anak-anak berdasarkan apa yang telah digariskan dalam syariat islam. Begitu juga anak-anak seharusnya menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya terhadap kedua ibubapanya agar menjadi anak yang soleh yang berguna di dunia dan di akhirat.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kewajipan dan tanggungjawab utama dalam usaha melahir dan mentarbiah anak yang soleh adalah terletak diatas tanggungjawab ibubapa, kerana setiap anak yang dilahirkan ke dunia ini dalam keadaan bersih dan suci dari sebarang kekotoran jiwa dan iqtikad. Anak diibaratkan sebagai kain putih yang boleh dicorakkan oleh kedua-dua ibubapanya dengan apa-apa warna yang dikehendaki.



Kewajipan utama bagi ibumama dalam usaha melahirkan anak yang soleh ialah memberikan didikan ilmu pengetahuan khususnya ilmu agama dengan secukupnya. Oleh itu setiap ibumama berkewajipan dan bertanggungjawab melaksanakan tugas ini, kerana hanya dengan didikan agama yang cukup dan sempurna anak-anak akan dapat menghadapi cabaran hidup dan menyelamatkan dirinya dari terjerumus dalam berbagai gejala social, seperti mencuri, menghisap dadah, minum arak, berjudi dan bermacam-macam lagi kegiatan yang bercanggah dengan syariat islam.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah At-Tahrim ayat 6 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا  
وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا  
يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman. Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya manusia dan batu (berhala) ; neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".*

### **Sidang Jumaat Yang Berbahagia,**

Selain dari itu kita harus sedar bahawa ibumama yang kedudukannya sebagai pemimpin atau ketua keluarga adalah berkewajipan dan



bertanggungjawab mewujudkan persekitaran secara islamiyyah atau suasana keislaman dalam keluarga, iaitu dengan mengamalkan atau mempraktikkan ajaran-ajaran islam yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW, seperti solat berjamaah, makan bersama, membaca atau bertadarus Al-Quran, memberi salam dan sebagainya.

Ibubapa berkewajipan mengawasi anak-anak, terutamanya pergaulan rakan sebaya, kerana rakan sebaya sangat mudah mempengaruhi jiwa dan tingkahlaku kanak-kanak. Rakan yang baik akan meninggalkan kesan dan membentuk anak menjadi baik dan sebaliknya rakan yang tidak baik akan meninggalkan kesan yang tidak baik dan merosakkan keperibadian anak-anak. Selain itu ibubapa hendaklah sentiasa mengambil berat dan mengawasi serta menegur anak-anak sekiranya terdapat tingkahlaku dan kelakuan yang tidak wajar, apatah lagi yang bertentangan dengan syariat islam.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Selain itu, anak-anak juga mempunyai kewajipan dan tanggungjawab terhadap ibubapanya. Anak-anak mestilah sentiasa taat kepada kedua ibubapa dan menghormatinya sepanjang masa. Anak-anak dilarang mengeluarkan kata-kata yang kasar dan kesat yang boleh menyenggang perasaan kedua ibubapa. Anak-anak wajib menjaga dan memberi nafakah kepada ibubapanya lebih-lebih lagi ketika ibubapa sudah lanjut usianya. Tanggungjawab anak terhadap ibubapa merupakan perintah untuk berbakti dan berbuat baik kepada kedua ibubapa bergandingan dengan perintah menyembah dan beribadat kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nisa' ayat 36:



وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibubapa".

### Sidang Jumaat sekalian,

Sebagai pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, maka;

1. Umat Islam hendaklah mendidik anak selaras dan sesuai dengan ajaran Islam.
2. Ibubapa hendaklah menjadi contoh tauladan yang baik kepada anak-anak.
3. Ibubapa hendaklah mengawasi segala pergerakan dan aktiviti mereka daripada terjerumus kearah maksiat dan jenayah.
4. Ibubapa hendaklah bersikap terbuka apabila menerima laporan daripada mana-mana pihak mengenai anak-anaknya.
5. Jadikanlah anak-anak sebagai kawan karib dalam mewujudkan suasana keluarga yang harmoni dan suasana yang sejahtera.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ  
ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ <sup>ج</sup> كُلُّ امْرِئٍ بِمَا  
كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

"Dan orang-orang yang beriman Yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya".

(Surah At-Thur : 21).





بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَالِحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.